

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 14
RUANGAN : NASIONAL

KKM naik taraf 91 klinik daif

Kerja baik pulih dilaksanakan secara berfasa babit kos RM110 juta tingkat kecekapan perkhidmatan

Oleh Zanariah Abd Mutalib
zanariah_mutalib@bh.com.my

Putrajaya: Sebanyak 91 daripada 436 klinik kesihatan daif di seluruh negara sudah dinaik taraf, manakala baki selebihnya dijangka selesai menjelang akhir tahun ini.

Menteri Kesihatan, Dr Zaliha Mustafa, berkata kerja baik pulih itu akan dilaksanakan oleh Kementerian Kesihatan (KKM) secara berfasa bagi 1,200 klinik kesihatan daif yang sudah dikenal pasti di seluruh negara.

"Untuk tahun ini, kita mengenal pasti 436 klinik daif yang di-baik pulih dan pada tahun depan, kita menyasarkan lebih 300 klinik lagi.

"Kerja menaik taraf ini akan dilaksanakan secara berfasa membabitkan kos berjumlah RM110 juta," katanya selepas merasmikan Persidangan dan Pameran Pengurusan Fasiliti



Penjagaan Kesihatan (HcFM CONFEX) 2023 di sini, semalam. Dr Zaliha berkata, jumlah klinik kesihatan daif paling banyak dikenal pasti di Terengganu iaitu 58 klinik, diikuti Negeri Sembilan (44) dan masing-masing di Perak serta Pahang (42).

Projek penambahbaikan itu sebahagian daripada inisiatif Ekonomi MADANI, yang memberi fokus kepada penyelesaian terhadap kesulitan dan masalah dihadapi rakyat, meningkatkan kualiti, kecekapan dan keberkesanan penyampaian perkhidmatan awam dalam memastikan kesejahteraan rakyat.

Ambil langkah segera

Pada 3 Julai lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim ketika mempengerusikan mesyuarat Majlis Tindakan Malaysia MADANI mengumumkan kerajaan akan memberi tumpuan kepada usaha menaik taraf fasiliti daif di bawah KKM.

Katanya, kerajaan sedang mengambil langkah segera bagi menambah baik 436 fasiliti dan klinik kesihatan di bawah KKM dengan sasaran semua fasiliti akan memasuki peringkat pelaksana-



KKM sentiasa memperkukuh perkhidmatan sokongan hospital di negara bagi kemudahan rakyat. (Foto hiasan)

an menjelang akhir 2023.

Terdahulu, Dr Zaliha dalam ucapannya berkata, HcFM CONFEX 2023 bertemakan 'Pengurusan Fasiliti Penjagaan Kesihatan Mampan melalui Teknologi dan Inovasi' adalah platform yang sesuai untuk menetengahkan keperluan inovasi yang menjurus kepada teknologi hijau, kecekapan tenaga dan daya tahan industri.

"Ia selaras dengan usaha KKM

untuk memperkukuh perkhidmatan sokongan hospital di negara ini.

"Selain itu, sudah tiba masanya pentadbiran hospital dan penyedia perkhidmatan sokongan melihat kerjasama dalam amalan terbaik yang lebih mampan, hijau dan mengambil kira impak terhadap alam sekeliling," katanya.

Dalam perkembangan lain, Dr Zaliha berkata, KKM tidak bergantung sepenuhnya kepada

Pharmaniaga Bhd bagi pembekalan ubat, sebaliknya turut berurusan terus dengan syarikat berkaitan bagi memastikan bekalan ubat dalam negara sentiasa mencukupi.

Beliau berkata, setakat ini, bekalan ubat dalam negara tidak terjejas, susulan kedudukan syarikat syarikat itu yang kini di bawah kategori Nota Amalan 17 (PN17), yang bermasalah kewangan.

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 17
RUANGAN : LOKAL

Kota Bharu: Sebanyak 225 peratus peningkatan dicatatkan berhubung kes demam denggi dengan dua kematian direkodkan sepanjang tahun ini.

Pengarah Kesihatan Negeri Kelantan Datuk Dr Zaini Hussin berkata, sehingga 12 Ogos, bilangan kes demam denggi dilaporkan sebanyak 1,514 kes.

"Jumlah kes pada tahun ini meningkat sebanyak 225 peratus berbanding tempoh sama tahun lalu iaitu 479 kes dengan lokaliti hotspot adalah Kota Bharu, Bachok dan Tumpat.

"Kita jangka kes terus meningkat jika langkah proaktif tidak diambil serta tempat pembiakan jentik-jentik tidak dihapuskan.

"Antara faktor lain yang menyumbang adalah perubahan cuaca iaitu hujan serta kemarau dan lebih malang ada dua kematian membabitkan pesakit lelaki," katanya kepada pemberita di sini, semalam.

Dr Zaini berkata, bagaimanapun jumlah kes denggi pada tahun ini adalah lebih rendah berbanding

Kes demam denggi naik 225 peratus tahun ini



DR Zaini (berdiri tengah) pada majlis sambutan Kibar Jalur Gemilang sempena Hari Kebangsaan di Wisma Persekutuan.

sebelum pandemik Covid-19 iaitu penurunan 50 peratus pada 2020 dengan 3,030 kes manakala penurunan 52.2 peratus (3,191 kes) yang dicatatkan pada 2019.

Menurutnya lagi, kejadian wabak denggi yang dilaporkan sehingga 12 Ogos adalah sebanyak 122 wabak berbanding 26 wabak pada tempoh yang sama tahun 2022.

"Daripada 122 wabak

denggi yang dilaporkan, 97 wabak sudah tamat manakala 25 lagi masih aktif dan tiada wabak hotspot iaitu yang berlaku dalam tempoh melebihi 30 hari di Kelantan tahun ini," katanya.

Terdahulu beliau ditemui di pekarangan Wisma Persekutuan negeri Kelantan di sini, selepas melancarkan Sambutan Jalur Gemilang bersama ketua jabatan dan kakitangan Wisma Persekutuan.

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 20
RUANGAN : LOKAL

91 klinik daif sudah dinaik taraf: Dr Zaliha

Putrajaya: Sebanyak 91 daripada 436 klinik kesihatan daif di seluruh negara sudah dinaik taraf manakala selebihnya dijangka selesai menjelang hujung tahun ini.

Menteri Kesihatan Dr Zaliha Mustafa berkata, kerja baik pulih itu dilaksanakan kementerianya secara berfasa bagi 1,200 klinik kesihatan daif yang sudah dikenal pasti di seluruh negara.

"Untuk tahun ini, kita kenal pasti 436 klinik daif yang akan dibaik pulih dan pada tahun depan, kita sasarkan lebih 300 klinik lagi.

"Kerja naik taraf ini akan dilaksanakan secara berfasa dengan kos RM110 juta," katanya pada sidang media selepas merasmikan Per-

sidangan dan Pameran Pengurusan Fasiliti Penjagaan Kesihatan (HcFM Confex) 2023, di sini, semalam.

Menurutnya, jumlah klinik kesihatan daif yang paling banyak dikenal pasti adalah di Terengganu sebanyak 58 klinik, diikuti Negeri Sembilan 44 klinik dan Perak serta Pahang masing-masing 42 klinik.

Sementara itu, dalam ucapannya, Dr Zaliha berkata, HcFM Confex 2023 dengan tema Pengurusan Fasiliti Penjagaan Kesihatan Mampan Melalui Teknologi dan Inovasi adalah platform yang sesuai untuk mengetengahkan keperluan inovasi menjurus kepada teknologi hijau, kecukupan tenaga dan daya tahan industri.



DR Zaliha (dua dari kanan) melawat pameran selepas merasmikan Healthcare Facility Management Conference 2023 di Putrajaya, semalam.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 5
RUANGAN : NEGARA

300 lagi akan dinaik taraf dengan kos RM110 juta pada tahun depan

KKM baik pulih 91 klinik daif, usang

Oleh KAMARIAH KHALIDI

PUTRAJAYA – Sebanyak 1,200 klinik kesihatan di seluruh negara dikenal pasti sebagai premis yang usang dan daif dengan 91 daripadanya sudah siap dibaik pulih, manakala 341 lagi dijangka selesai akhir tahun ini.

Menteri Kesihatan, Dr. Zaliha Mustafa berkata, kerja membaik pulih dan menaik taraf dijalankan secara berfasa.

Katanya, sebanyak 436 klinik daif akan dibaik pulih tahun ini.

"Setakat ini, sebanyak 341 klinik sedang dinaik taraf, manakala 91 telah selesai dan empat lagi masih dalam proses perolehan.

"Tahun depan kita sasarkan 300 klinik lagi untuk dinaik taraf dengan kos RM110 juta," katanya pada sidang akhbar selepas Majlis Pelancaran *Healthcare Facility Management Conference and Exhibition 2023* di sini

semalam.

Sebelum ini, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dipetik sebagai berkata, kerajaan akan menambah baik 436 fasiliti dan klinik kesihatan menjelang akhir tahun ini.

Menurut Zaliha, Terengganu mempunyai klinik daif terbanyak iaitu 58, diikuti Negeri Sembilan (44) manakala Perak dan Pahang masing-masing 42 klinik.

Sementara itu, Zaliha berkata, Kementerian Kesihatan (KKM) mempunyai cara untuk menangani masalah bekalan ubat ekoran status Nota Amalan 17 (PN17) yang dihadapi Pharmaniaga Bhd.

"Bekalan ubat tak terjejas kerana Pharmaniaga hanya terlibat daripada sudut pengedaran atau logistik. Kita akan berurusan terus dengan syarikat bekalan ubat, jadi tiada kesan atas statu PN17 itu," katanya.

Sebelum ini, Bursa Malaysia

Securities Berhad mengumumkan Pharmaniaga telah memutuskan kriteria Keperluan Penyebaran Pasaran Utama.

Dalam perkembangan berlainan, Zaliha berkata, pemindahan untuk penempatan dalam kalangan kakitangan perubatan yang berlaku tidak menjejaskan perkhidmatan di fasiliti-fasiliti KKM.

"Kita telah selesai melakukan pemindahan petugas kesihatan khususnya di Sabah dan Sarawak. Kekosongan di Semanjung akan segera dipenuhi untuk memastikan perkhidmatan kesihatan kita tidak terjejas," katanya.

Pada 20 Julai lalu, terdapat dakwaan mengatakan 1,000 pegawai perubatan hospital di Kuala Lumpur dan Selangor akan dipindahkan ke Sabah dan Sarawak dan situasi tersebut dijangka memberi kesan kepada hospital awam utama.



ZALIHA (tengah) mendengar penerangan yang diberikan petugas reruai ketika membuat tinjauan di Putrajaya semalam.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 15
RUANGAN : NEGARA

Pekerja asing penyebab kes meningkat di Melaka

MELAKA – Melaka terus mencatatkan peningkatan kes denggi iaitu sebanyak 688 kes setakat minggu epidemiologi (ME) 32 yang berakhir 12 Ogos lalu berbanding 359 kes dalam tempoh sama tahun lepas.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Sumber Manusia dan Perpaduan negeri, Ngwe Hee Sem berkata, peningkatan hampir 100 peratus kes itu sebahagian besarnya melibatkan daerah Melaka Tengah dengan 507 kes diikuti Jasin dan Alor Gajah masing-masing sebanyak 106 kes dan 75 kes.

Kata beliau, dalam tempoh sama juga sebanyak 26 episod wabak telah dilaporkan berbanding 13 episod dalam tempoh sama tahun lalu.

"Daripada 26 episod wabak tersebut yang melibatkan 23 lokaliti, terdapat satu lokaliti wabak berulang iaitu di Taman Merlimau Baru, manakala dua lokaliti titik panas iaitu di Pangsapuri Taman Tasik Uta-

ma dan Taman Melaka Baru Seksyen 2.

"Antara lokaliti wabak denggi yang masih aktif adalah di Kampung Pernu, Taman Takh, Apartmen Yayasan Melaka, Kampung Sungai Sembilang, Taman Pahlawan dan Pangsapuri Kota Laksamana," katanya di sini, semalam.

Tambah Hee Sem, lambakan pekerja asing yang tinggal di pangsapuri menjadi cabaran kepada pihak berwajib untuk mengawal wabak denggi.

Menurutnya, beliau akan mendapatkan maklumat daripada Jabatan Tenaga Kerja (JTK) sekiranya kediaman pekerja di Pangsapuri Kota Laksamana memiliki perakuan penginapan yang masih sah.

"Ini kerana kira-kira 70 peratus pekerja asing tinggal di sini, sekiranya penginapan pekerja berpusat (CLQ) ada (siap dibina) pada 2025, lebih senang kita hendak kawal (kes denggi)," jelasnya.



PEGAWAI Kesihatan menyembur cecair mencegah pembiakan denggi di Pangsapuri Kota Laksamana, Melaka, semalam.

Dua kematian akibat denggi direkodkan di Kelantan

KOTA BHARU – Dua kes kematian akibat demam denggi direkodkan di Kelantan bermula Januari sehingga kelmarin.

Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan (JKNK), Datuk Dr. Zaini Hussin berkata, sepanjang tempoh itu, pihaknya mendapati berlaku peningkatan sehingga 225 peratus iaitu sebanyak 1,514 kes demam denggi dilaporkan.

Menurutnya, bagaimanapun, jumlah kes denggi tahun ini lebih rendah berbanding kes sebelum pandemik Covid-19 apabila menunjukkan penurunan sebanyak 50 peratus iaitu 3,030 kes pada 2020.

"Pada minggu epidemiologi lalu, berlaku peningkatan kes denggi di Kelantan. Peningkatan itu dijangka akan terus berlaku berikutan cuaca hujan dan panas ketika ini.

"Jadi, semua pihak perlu mengambil langkah proaktif

terutamanya menghapuskan tempat pembiakan nyamuk aedes bagi mengelakkan peningkatan kes denggi," katanya di sini semalam.

Dr. Zaini memberitahu, sepanjang tempoh Januari sehingga 12 Ogos lalu, sebanyak 122 wabak denggi dicatatkan berbanding 26 kes dalam tempoh yang sama tahun lalu.

Katanya, daripada jumlah itu, sebanyak 97 wabak denggi telah tamat, manakala 25 lagi masih aktif dan tiada wabak hot spot yang melebihi 30 hari berlaku di negeri ini.

"Setakat ini, lokaliti hot spot wabak tersebut yang dikenal pasti adalah di Kota Bharu, Bachok dan Tumpat.

"JKNK sentiasa menjalankan aktiviti kawalan dan pencegahan untuk semua kes dan wabak denggi yang dilaporkan bagi memutuskan rantaian jangkitan," ujarinya.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 9
RUANGAN : DALAM NEGERI

RM111 juta naik taraf 436 klinik daif

Oleh KAMARIAH KHALIDI
utusannews@mediamulla.com.my

PUTRAJAYA: Sejumlah RM111 juta diperuntukkan bagi kerja-kerja membaik pulih dan menaik taraf 436 klinik kesihatan daif dan usang di seluruh negara.

Menteri Kesihatan, Dr. Zaliha Mustafa berkata, daripada jumlah itu, sebanyak 91 klinik selesai dibaik pulih manakala 341 klinik masih dalam proses pelaksanaan dan empat lagi di peringkat perolehan.

Menurut beliau, sejumlah RM100 juta yang diperuntukkan untuk projek berkenaan merupakan pengumuman daripada Bajet 2023, manakala tambahan RM11 juta menggunakan peruntukan sedia ada.

"Untuk tahun ini kita telah kenal pasti sebanyak 436 klinik daif yang akan dibaik pulih dan setakat ini sebanyak 341 klinik sedang dalam proses pelaksanaan, 91 klinik telah selesai dibaik pulih dan empat lagi klinik masih dalam perolehan.

"Kita terima senarai (klinik-klinik daif) ini daripada Pengarah Kesihatan Negeri dengan jumlah keseluruhan adalah



ZALIHA Mustafa pada majlis perasmian Persidangan dan Pameran Pengurusan Kemudahan Kesihatan 2023 di Putrajaya semalam. - UTUSAN/FAIZ ALIF ZUBIR

1,200 klinik, tapi kita lakukan penambakan secara berfasa dengan tahun ini kita sasar 436 klinik dan tahun depan kira-kira 300 klinik lagi dengan membatikan kos RM111 juta," katanya dalam sidang akhbar selepas Majlis Pelancaran Healthcare Facility Management Conference and Exhibition 2023 di sini semalam.

Menurut Zaliha, Kementerian Kesihatan (KKM) menerima senarai klinik daif tertinggi di Terengganu iaitu sebanyak 58 klinik, diikuti Negeri Sembilan 44 klinik dan masing-masing 42 klinik di Perak dan Pahang.

Pada 3 Julai lalu, Majlis Tindakan Malaysia Madani (MTMM) memberi tumpuan kepada dua projek baharu iaitu usaha menaik taraf fasiliti daif di bawah KKM dan memperluas pelaksanaan Gerai Madani.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, kerajaan sedang mengambil langkah segera bagi menambah baik 436 fasiliti dan klinik kesihatan di bawah KKM dengan sasaran kesemua fasiliti akan memasuki peringkat pelaksanaan menjelang akhir tahun ini.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 19
RUANGAN : DALAM NEGERI



SKIM Perubatan Madani memudahkan golongan berpendapatan rendah mendapat rawatan di klinik swasta.

Bersyukur dapat rawatan percuma di klinik swasta

SAUDARA PENGARANG.

BARU-BARU ini, saya dan dua anak masing-masing berumur lapan dan 10 tahun, jatuh sakit. Kami mengalami demam yang berkemungkinan besar berpunca daripada jangkitan di sekolah.

Bagi kami yang hidup secara sederhana di tengah-tengah ibu kota, jatuh sakit adalah sesuatu yang amat membebankan. Bukan sahaja menjejaskan fizikal tetapi juga memberi tekanan dari segi kewangan. Terutama bila lebih daripada seorang ahli keluarga perlu mendapatkan rawatan di klinik swasta pada masa sama.

Maklumlah, kos konsultasi dan perubatan bukan murah sekarang. Untuk batuk dan selesema pun boleh mencecah RM40 seorang dan mungkin lebih mahal jika doktor beri preskripsi ubat antibiotik.

Namun, alhamdulillah, saya dapat menggunakan kemudahan Skim Perubatan Madani yang dilancarkan kerajaan, bulan lepas. Menerusi skim ini, lawatan saya ke klinik swasta tempoh hari bersama dua anak adalah percuma. Ini termasuk ubat diberikan doktor.

Proses mendaftar pun amat mudah, cuma perlu membawa kad pengenalan saya selaku ketua isi rumah serta anak-anak. Segala proses dilakukan secara dalam talian di klinik dan tidak melibatkan kerenah birokrasi yang rumit.

Saya percaya jika menggunakan duit sendiri untuk membayar caj konsultasi dan perubatan mungkin mencecah RM100 bagi kami bertiga. Alhamdulillah, saya tidak dikenakan sebarang bayaran kerana tergolong dalam kategori isi rumah berpendapatan rendah (B40). Kami sekeluarga dapat menggunakan kemudahan ini sehingga akhir tahun dengan had RM250 untuk setiap isi rumah.

Bagi yang mampu, mereka mungkin memandang enteng akan inisiatif ini. Tetapi tatkala kos sara hidup semakin mencabar, inisiatif sebegini amat dihargai oleh golongan kurang berkemampuan.

Untuk itu, saya berharap keprihatinan kerajaan mengurangkan kos sara hidup rakyat dalam bidang kesihatan diteruskan dalam Belanjawan 2024.

MOHD. YAKOB SULAIMAN
Kepong, Kuala Lumpur

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 33
RUANGAN : DALAM NEGERI

Pekerja asing antara punca denggi meningkat di Melaka

MELAKA: Asrama pekerja asing di bandar ini antara yang menjadi kawasan berlakunya wabak denggi.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Sumber Manusia dan Perpaduan Melaka, Ngwe Hee Sem berkata, lambakan pekerja asing yang tinggal di pangsapuri menjadi cabaran kepada pihak berwajib untuk mengawal wabak denggi.

Menurutnya, pihaknya akan mendapatkan maklumat dari

pada Jabatan Tenaga Kerja (JTK) misalnya kediaman pekerja di Pangsapuri Kota Laksamana memiliki perakuan penginapan yang masih sah.

“Ini kerana kira-kira 70 peratus pekerja asing tinggal di sini. Kalau tiada kita akan buat operasi besar-besaran. Sekiranya penginapan pekerja berpusat (CLO) ada (siap) pada 2025, lebih senang kita hendak kawal (kes denggi),” katanya dalam sidang akhbar selepas operasi pemerik-

saan kediaman di Pangsapuri Kota Laksamana di sini, hari ini.

Menurutnya, operasi hari ini ditumpukan pada lokaliti wabak yang baru diisytiharkan pada Isnin.

Terdapat dua kes denggi dilaporkan dan kawasan ini juga kerap berlaku wabak denggi pada tahun-tahun sebelumnya,” ujarnya.

Katanya, Melaka terus mencatatkan peningkatan kes denggi iaitu sebanyak 688 kes setakat minggu epidemiologi (ME) 32

yang berakhir 12 Ogos lalu berbanding 359 kes dalam tempoh sama tahun lalu. Beliau berkata, peningkatan hampir 100 peratus kes itu sebahagian besarnya melibatkan daerah Melaka Tengah dengan 507 kes diikuti Jasin dan Alor Gajah masing-masing sebanyak 106 kes dan 75 kes.

Dalam tempoh sama juga sebanyak 26 wabak telah dilaporkan berbanding 13 pada tempoh sama tahun lalu.

“Daripada 26 wabak tersebut

yang melibatkan 23 lokaliti, terdapat satu lokaliti wabak berulang iaitu di Taman Merlimau Baru. Dua lokaliti titik panas iaitu di Pangsapuri Taman Tasik Utama dan Taman Melaka Baru Seksyen 2.

“Antara lokaliti wabak denggi masih aktif adalah Kampung Pernu, Taman Takh, Apartmen Yayasan Melaka, Kampung Sungai Sembilang, Taman Pahlawan dan Pangsapuri Kota Laksamana,” katanya.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 12

RUANGAN : NASIONAL

2 maut akibat denggi di Kelantan

Kes meningkat 225 peratus
antara Januari hingga
16 Ogos tahun ini

Oleh ADILA SHARINNI WAHID
KOTA BHARU

Kes demam denggi di Kelantan mencatatkan peningkatan 225 peratus dengan dua kematian direkodkan antara Januari hingga 16 Ogos tahun ini.

Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan (JKNK), Datuk Dr Zaini Hussin berkata, sehingga 12 Ogos 2023, bilangan kes demam denggi yang dilaporkan di negeri ini adalah sebanyak 1,514 kes dengan lokasi panas di Kota Bharu, Bachok dan Tumpat.

Menurutnya, jumlah kes pada tahun ini meningkat berbanding tempoh sama tahun 2022 iaitu 479 kes dan antara faktor penyumbang akibat cuaca hujan serta kemarau.

"Jumlah kes itu adalah lebih rendah berbanding sebelum pandemik Covid-19 iaitu penurunan 50 peratus berbanding



LOKASI PANAS DENGGI

- Kota Bharu
- Bachok
- Tumpat



Dr Zaini (tiga dari kiri) dan Muhd Nor Aswadi (tiga dari kanan) bersama kakitangan awam mengibarkan Jalur Gemilang di pekarangan Wisma Persekutuan di Kota Bharu pada Khamis.

pada tahun 2020 (3,030 kes) dan penurunan 52.2 peratus (3,191 kes) berbanding kes denggi yang dicatatkan pada 2019.

"Pada tahun ini, dua kematian akibat denggi berlaku membabitkan dua lelaki dewasa," katanya selepas merasmikan Sambutan Jalur Gemilang Peringkat Wisma Persekutuan negeri Kelantan di sini pada Khamis.

Turut hadir, Pengarah Jabatan Penerangan Malaysia (JaPen) Kelantan, Muhd Nor Aswadi Md Nor.

Dr Zaini berkata, kejadian wabak denggi yang dilaporkan sehingga 12 Ogos lalu adalah sebanyak 122 wabak, berbanding 26 wabak pada tempoh yang sama pada 2022.

"Daripada 122 wabak denggi yang dilaporkan, 97 wabak sudah tamat manakala 25 wabak lagi masih aktif.

"Bagi tahun 2023, setakat tempoh ini, tiada wabak hotspot (tempoh wabak yang melebihi 30 hari) berlaku di negeri Kelantan," ujar beliau.

Menurutnya, JKNK menjalankan aktiviti kawalan dan pencegahan untuk semua kes dan wabak denggi yang dilaporkan bagi memutuskan rantaian jangkitan termasuk kawalan vektor yang dijalankan meliputi pemeriksaan premis, semburan kabus, penghapusan tempat pembiakan dan pendidikan kesihatan.

"Sejumlah 371,269 premis diperiksa bagi mengenal pasti tempat pembiakan nyamuk aedes.

"Sebanyak 1,639 kompaun dengan nilai RM819,500 dikeluarkan kepada pemilik premis yang dijumpai terdapat pembiakan Aedes di dalam premis mereka mengikut Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit (APSP) 1975 (Akta 154)," katanya.

Pada Rabu, Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Muhammad Radzi Abu Hassan berkata, jumlah kes demam denggi meningkat 4.7 peratus kepada 2,542 kes pada Minggu Epidemiologi ke-31 (ME31) iaitu bagi tempoh 30 Julai hingga 5 Ogos, berbanding 2,427 kes dilaporkan pada minggu sebelumnya.

"Kumulatif kes demam denggi yang dicatatkan setakat ini 71,193 kes berbanding 32,521 kes bagi tempoh sama tahun lepas iaitu peningkatan 118.9 peratus atau 38,672 kes," katanya.

Jabatan Kesihatan Melaka keluar 1,068 kompaun premis biak Aedes

MELAKA - Jabatan Kesihatan Melaka mengeluarkan 1,068 kompaun bernilai RM543,000 sehingga Minggu Epidemiologi (ME) 32 membabitkan pembiakan nyamuk Aedes di premis-premis diperiksa jabatan itu.

Exco Kesihatan, Sumber Manusia dan Perpaduan, Ngwe Hee Sem berkata, sehingga kini 453 kompaun dibayar membabitkan kutipan berjumlah RM67,770.

"Sehingga tempoh ME 32 juga Jabatan Kesihatan Melaka memeriksa 55,164 premis dan daripada jumlah tersebut, 6,461 premis dikesan positif terdapat pembiakan jentik-jentik nyamuk.

"Bagi kes denggi di Melaka, sebanyak 688 kes direkodkan dari Januari hingga Sabtu lepas berbanding 359 kes dicatatkan berbanding tempoh sama tahun lepas," katanya kepada pemberita selepas mengetuai operasi Cegah Denggi di Kota Laksamana di sini pada Khamis.

Hee Sem berkata, dalam tempoh sama juga, sebanyak 26 episod wabak denggi dilaporkan di negeri itu membabitkan 23 lokaliti, satu lokaliti berulang dan dua lokaliti kawasan panas.

Beliau berkata, antara faktor peningkatan kes disebabkan pertambahan pekerja asing menyewa di kawasan pangsapuri yang menjadi cabaran kerana kurang kesedaran mengenai tanggungjawab memastikan kebersihan kawasan sekeliling.

"Kita akan meminta kerjasama Jabatan Tenaga Kerja (JTK) untuk memeriksa dan memantau kawasan yang didiami ramai pekerja asing seperti di Pangsapuri Kota Laksamana dengan hampir 70 peratus warga asing.

"Kita juga menggesa persatuan atau Badan Pengurusan Bersama (JMB) untuk mengadakan program gotong-royong bersama-sama masyarakat setempat untuk mencegah kawasan pembiakan nyamuk Aedes," katanya. - Bernama

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES
MUKA SURAT : 8
RUANGAN : NEWS / NATION

MEDICINE AND MEDICAL SUPPLY

'Ministry does not rely solely on Pharmaniaga'

PUTRAJAYA: The Health Ministry does not rely solely on Pharmaniaga Bhd, but deals directly with other pharmaceutical companies to ensure sufficient supply of medicine in the country.

Health Minister Dr Zaliha Mustafa said the supply of medication nationwide had not been affected by the company's financial troubles.

"Medical supplies are not affected. Pharmaniaga is only involved in distribution or logistics."

"We also deal directly with other companies so that supply is not affected," she said after launching the Healthcare Facility Management Conference and Exhibition (HcFM CONFEX) 2023.

In April, Dr Zaliha said Phar-

maniaga's provision of medicine and medical supplies to the ministry's facilities would be extended for 10 years, following the end of the interim period in June.

Prior to that, the negotiation date for the Pharmaniaga concession agreement had been extended to June after the company posted a loss of RM607.32 million for financial year ending Dec 31, 2022, compared with a net profit of RM172.15 million the previous year.

The loss was due to a RM552 million provision for "slow-moving stocks of Covid-19 vaccines" that pushed the company under the financially troubled PN17 category.

Pharmaniaga's revenue de-

clined 27.1 per cent to RM3.51 billion from RM4.82 billion due to lower demand from the government for the purchase of Covid-19 vaccines.

On a separate matter, Dr Zaliha said the transfer of healthcare workers from the peninsula to Sabah and Sarawak was done to meet the needs of facilities facing staff shortage.

"Vacancies in facilities in the peninsula will be immediately filled to ensure that health services are not affected."

"We are working on that and it will be done as soon as possible," she added.

A health portal reported that about 1,000 medical officers in Kuala Lumpur and Selangor would be transferred.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES
MUKA SURAT : 16
RUANGAN : LETTERS

POPCORN LUNG

REFLECT ON IMPLICATIONS OF VAPING

THE prevalence of vaping among teenagers in Malaysia rose from 9.8 per cent in 2017 to 14.9 per cent in 2022.

So it's crucial to address the safety of vape products.

Often misled by the fruity flavors promoted by vape products, many are unaware that these liquids commonly contain chemicals such as nicotine, propylene glycol (PG), vegetable glycerine (VG), flavourings, dyes, cooling agents and other undisclosed ingredients.

It's vital for users to recognise how these components can adversely affect the lungs and the breathing system.

For instance, the ratio of PG to VG can alter the feel of vaping.

PG, with its thinner consistency, provides a distinct "throat hit".

When these compounds are heated, they may produce toxic chemicals, such as formaldehyde and volatile organic compounds.

Prolonged exposure to harmful volatile compounds can damage the lungs, potentially leading to conditions like E-cigarette or Vaping Use-Associated Lung Injury (EVALI) and popcorn lung (bronchiolitis obliterans).

Findings from a study by our research team at Sunway University's

School of Medical and Life Sciences further highlight safety concerns.

After analysing 10 vape liquid brands, we found that 70 per cent contained higher PG levels than what their labels stated.

More alarmingly, 80 per cent of tested vape liquid samples contained traces of ammonia, a chemical present in diverse products like fertilisers, hair dyes, and plastics.

It's worth noting that the absorption rate of nicotine in the lungs can vary depending on the chemicals added to vape liquids.

Agents such as formaldehyde, alcohol, ammonia, and acids might

alter how nicotine interacts with our body system, potentially heightening addiction risks.

Vape users should be vigilant about what they are inhaling.

It's vital for the public to recognise that unlike the digestive system, which can purge harmful substances through mechanisms like vomiting or diarrhoea in cases of food poisoning, our lungs lack such excretion capabilities.

As a result, chemicals from vaping can accumulate in the lungs, leading to EVALI and popcorn lung.

People, particularly the younger generation, should reflect on the

implications of vaping, considering the harmful chemicals inhaled.

Also, the presence of undisclosed chemicals and inconsistent ingredient lists highlight the need for rigorous product registration and post-marketing surveillance by the health authorities.

LOOK KEYUN
DR SER HOOI LENG
DR AMAR DAUD ISKANDAR ABDULLAH
PROF ELIL RENGANATHAN
PROF LONG CHIAU MING
School of Medical and Life Sciences
Sunway University

AKHBAR : THE SUN
MUKA SURAT : 2
RUANGAN : NEWS WITHOUT BORDERS

Dilapidated clinics repaired, upgraded

PUTRAJAYA: A total of 91 clinics nationwide categorised as being in poor and dilapidated condition have been repaired or upgraded, said Health Minister Dr Zaliha Mustafa.

She said the repair and upgrading works on another 341 clinics are scheduled to be completed by the end of the year, while four more are still in the procurement process.

She added that the government has allocated more than RM110 million to repair and upgrade 1,200 clinics that are in poor and dilapidated condition, with the work being carried out in phases,

involving 436 clinics this year and over 300 next year.

"Based on the list, most of the clinics that are in poor and dilapidated condition are in Terengganu, involving 58 clinics, followed by 44 in Negeri Sembilan and 42 each in Perak and Pahang," she said after opening a conference on hospital support services yesterday.

On July 3 last year, the Malaysian Madani Action Council announced that it is focusing on two projects under the Madani Economy initiative, namely upgrading facilities under the

Health Ministry and expanding the implementation of Madani stalls.

Zaliha gave an assurance that the current process of transferring medical staff would not affect the services at the ministry's health facilities, especially in the Klang Valley.

"We are carrying out an exercise to transfer health workers in Sabah and Sarawak to meet the needs of those in other facilities.

"So, the vacancies that occur in the peninsula will be filled immediately to ensure that our health services are not affected."

She also said the supply of medicines to all ministry facilities would not be affected by Pharmaniaga Bhd's PN17 status (Practice Note 17) as the ministry is not solely dependent on the company, Bernama reported.

Zaliha said Pharmaniaga was only involved in logistics and distribution.

"We also have several ways to ensure uninterrupted pharmaceutical services by dealing directly with the companies involved. So, there is no impact on the supply of medications to the ministry's health facilities."

AKHBAR : THE SUN
MUKA SURAT : 3
RUANGAN : NEWS WITHOUT BORDERS

theSUN ON FRIDAY | AUGUST 18, 2023 3

NEWS WITHOUT BORDERS

Teen health on decline: Survey

► Obesity, unhealthy eating habits and sedentary lifestyle among main contributory factors highlighted in poll

BY SIVANISVARRY S MORHAN
newsdesk@thesundaily.com

PETALING JAYA: The 2022 National Health and Morbidity Survey has shown a decrease in the general health and lifestyle practices of adolescents in the country.

The survey revealed that one in three children aged 13 to 17 was overweight or obese, four in five were physically inactive, two in three led sedentary lifestyles, one in three consumed soft drinks daily, one in 10 ate fast food at least three days a week and four in five did not eat enough fruits and vegetables.

"This is evidence that in the current year, we are experiencing a prevalence of sedentary lifestyles and an increase in unhealthy habits, especially among adolescents," doctor and

fitness enthusiast Dr Shalini Devi Ramachandran told *theSun*.

As someone who is both a Type 2 diabetic and has struggled with childhood obesity, Shalini said it is clear that the way people live their lives has a significant impact on their health.

Unfortunately, the importance of adopting a healthier lifestyle has not been emphasised enough at home, leading to a high number of overweight adolescents.

"The easy accessibility to food through home delivery contributes to this issue. There are potential consequences of being overweight during adolescence, particularly between the ages of 13 and 19, which is a critical time for growth.

"If adolescents adopt a healthy lifestyle, they

will improve their future health. However, failing to do so can result in various health complications in the long term."

A mother of two children aged nine and 15, Shi Qing Wong, who is working as an accountant in a private company said: "We spend most of our time at work, so I can't prepare proper food for my family due to fatigue. I try my best to prepare homecooked food but my children end up buying it."

"Since children spend considerable time at school, it will be beneficial if the school management (ensures healthy food is served) in their canteens.

"Even parents who are concerned about their children's health will appreciate such efforts by the schools and we as parents would not mind paying extra for their efforts."

Shalini said obesity can often lead to Type 2 diabetes, liver and kidney diseases, high cholesterol and the risk of heart disease later in life.

The risk of being obese among females is higher and they may experience

hormonal imbalances.

This would lead to issues with their menstrual cycle, growth of facial hair and infertility.

Obesity is also commonly associated with polycystic ovarian syndrome.

The Health Ministry has introduced the Malaysian "healthy plate" initiative, which provides a balanced diet by dividing the plate into three parts - a quarter plate each for protein and carbohydrates, and a half plate for vegetables and fruits.

Shalini emphasised that parents should play a crucial role in promoting their children's health by providing nutritious meals and teaching them about proper nutrition, exercise and calorie management.

Children and teenagers should also be enrolled in fitness classes to foster a commitment to physical fitness from young.

"It is essential to educate children about the importance of consuming the right foods to stay healthy, and parents can start this education from an early age."